

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PINDAAN JADUAL 3, 4, 5 DAN 8) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 3, 4, 5 dan 8) 2025**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan Jadual 3

2. Jadual 3 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], selepas ini disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda—

(a) dalam perenggan 1, dengan menggantikan perkataan “yang penjalanan mana-mana aktiviti terkawalny adalah semata-mata bersampingan dengan penjalanan urusannya yang baginya didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949” dengan perkataan “yang menjalankan mana-mana aktiviti terkawal, sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya”; dan

(b) dalam subperenggan 10(a), dengan menggantikan perkataan “seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti” dengan perkataan “seseorang yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan, diiktiraf atau dibenarkan selainnya oleh Suruhanjaya”.

Pindaan Jadual 4

3. Subperenggan 1(*k*) Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “oleh penerbit yang layak yang diluluskan di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1)” dengan perkataan “, opsyen atau mana-mana produk lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya”.

Pindaan Jadual 5

4. Jadual 5 kepada Akta ibu dipinda—

(*a*) dalam perenggan 7, dengan menggantikan perkataan “yang distrukturkan sebagai perkongsian terhad dengan syarat bahawa perbadanan yang menguruskan dana modal usaha niaga atau dana ekuiti persendirian itu didaftarkan dengan Suruhanjaya” dengan perkataan “dengan syarat bahawa perbadanan yang menguruskan dana modal usaha niaga atau dana ekuiti persendirian itu dilesenkan atau didaftarkan dengan Suruhanjaya”;

(*b*) dengan memasukkan selepas perenggan 7 perenggan yang berikut:

“7A. Mana-mana penawaran kecil sekuriti syarikat persendirian, selain syer, dengan syarat penawaran itu mematuhi kehendak sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.”; dan

(*c*) dengan menggantikan subperenggan 8(*b*) dengan subperenggan yang berikut:

“(b) jenis syer syarikat awam tidak tersenarai yang berikut:

(i) syer ekuiti;

(ii) syer menurut suatu skim syer pekerja atau skim opsyen pekerja;

(iii) syer yang ditawarkan kepada mana-mana pengarahnya;
atau

(iv) syer syarikat awam tidak tersenarai yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan, diiktiraf atau dibenarkan selainnya oleh Suruhanjaya atau Bank Negara,

dengan syarat bahawa menjadikan tersedia, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer itu mematuhi kehendak sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan Jadual 8

5. Jadual 8 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 11—

(i) dalam subperenggan (g), dengan memotong perkataan “atau”;

(ii) dalam subperenggan (h), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (h) subperenggan yang berikut:

“(i) seseorang individu bernilai bersih tinggi.”; dan

(b) dalam perenggan 12, dengan menggantikan perkataan “yang mempunyai penarafan kredit tempatan AAA atau penarafan kredit antarabangsa BBB dan ke atas, yang diberikan oleh suatu agensi penarafan kredit,” dengan perkataan “yang suatu agensi penarafan kredit telah memberi debentur itu penarafan kredit tempatan AAA atau penarafan kredit antarabangsa BBB dan ke atas,”.

Dibuat 31 Disember 2025

[MOF.SID(S)700-1/2/36 JLD.2; GC(LR) 1/300/2025; PN(PU2)662/JLD.15]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan